

CUEPACS akan temui PM bincang had persaraan

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai had persaraan bagi kakitangan awam selepas beliau pulang daripada percutian di luar negara.

Presidennya, N. Siva Subramaniam berkata, pertemuan itu

UM 15. 1. 2000
perlu diadakan untuk membincangkan mengenai cadangan melanjutkan had umur persaraan daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

“Sistem yang dipakai sekarang ialah sistem zaman British dulu, dan ia patut dikaji semula,” katanya dalam satu sidang akhbar di sini.

Siva dalam satu kenyataannya Isnin lalu berkata, satu cadang-

an akan dikemukakan mengenai had persaraan umur selain hujah-hujah tambahan bagi pertimbangan Perdana Menteri.

Menurutnya dianggarkan lebih 12,000 anggota sektor awam bersara wajib setiap tahun yang mengakibatkan peruntukan wang yang banyak oleh kerajaan untuk pembayaran ganjaran dan pencen.